

**KESAN PENDEKATAN TAAJ DAN TAAB  
TERHADAP KESEJAHTERAAN EMOSI DAN  
RESILIENSI WANITA BERHADAPAN KONFLIK  
PERKAHWINAN**

**SITI SUHAILA BINTI ARSAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**KESAN PENDEKATAN TAAJ DAN TAAB  
TERHADAP KESEJAHTERAAN EMOSI DAN  
RESILIENSI WANITA BERHADAPAN KONFLIK  
PERKAHWINAN**

oleh

**SITI SUHAILA BINTI ARSAD**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2019**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kajian ini dapat dilaksanakan. Terima kasih diucapkan kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr. Nik Rosila binti Nik Yaacob dan penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Mohamad Hashim bin Othman di atas kesediaan membimbing pengkaji dengan penuh sabar. Terima kasih juga diucapkan kepada barisan panel penilai yang memberikan pelbagai input yang dapat membantu pengkaji memperbaiki kualiti kajian dengan lebih baik. Begitu juga diucapkan kepada semua pensyarah yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, rakan-rakan sepengajian serta kakitangan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Institut Pengajian Siswazah, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang khususnya kepada pegawai dan kakitangan di Unit Khidmat Nasihat dan semuanya pihak yang membantu secara langsung atau tidak langsung. Penghargaan yang tidak terhingga buat insan-insan tersayang, Mohd Adib bin Mohd Idris (suami), Pisah binti Md Taib (ibu), Arsad bin Abd Aziz (bapa), Halimah binti Sulaiman (arwah ibu mertua), Mohd Idris bin Abdul Rahman (arwah bapa mertua), adik beradik, seluruh ahli keluarga serta sahabat-sahabat yang sentiasa memahami, mendoakan dan sentiasa memberi sokongan, terima kasih diucapkan. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa kalian semua. Semoga kalian sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah SWT. Aamiin.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	iii
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	viii
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	xii
<b>ABSTRAK</b> .....	xiv
<b>ABSTRACT</b> .....	xvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	1
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	3
1.3 Pernyataan Masalah .....	8
1.4 Tujuan Kajian .....	16
1.5 Objektif Kajian .....	16
1.6 Persoalan Kajian .....	18
1.7 Kepentingan Kajian .....	19
1.8 Limitasi Kajian .....	20
1.9 Definisi Konsep dan Operasional .....	21
1.10 Kerangka Konsep Kajian .....	25
1.11 Rumusan .....	26
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b> .....	27
2.1 Pendahuluan .....	27
2.2 Konsep <i>Tazkiyah Al-nafs</i> Al-Ghazali .....	27
2.3 Pendekatan <i>Brief</i> .....	35
2.4 Perkahwinan dan Teori Konflik .....	41
2.5 Teori Kesejahteraan Emosi .....	44

2.6	Teori Resiliensi .....	47
2.7	Kerangka Teoritikal.....	51
2.8	Kajian-kajian Lepas.....	53
2.8.1	<i>Tazkiyah Al-nafs</i> .....	54
2.8.2	Pendekatan <i>Brief</i> .....	60
2.8.3	Perkahwinan dan Konflik.....	64
2.8.4	Kesejahteraan emosi.....	70
2.8.5	Resiliensi.....	74
2.9	Rumusan.....	79
<b>BAB 3 METODOLOGI.....</b>		<b>80</b>
3.1	Pendahuluan .....	80
3.2	Reka bentuk Kajian .....	80
3.2.1	Pendekatan Kuantitatif.....	81
3.2.2	Pendekatan Kualitatif.....	83
3.3	Lokasi Kajian .....	85
3.4	Peserta Kajian.....	85
3.4.1	Bilangan Peserta.....	87
3.5	Pengumpulan Data .....	87
3.5.1	Pengumpulan Data Kuantitatif.....	88
3.5.2	Pengumpulan Data Kualitatif.....	96
3.5.3	Triangulasi.....	100
3.6	Prosedur Kajian .....	101
3.6.1	Adaptasi Pendekatan TAAJ .....	102
3.6.2	Proses Melaksanakan Intervensi .....	103
3.7	Pengawalan terhadap ancaman pemboleh ubah ekstraneus .....	111
3.7.1	Sejarah ( <i>history</i> ).....	111
3.7.2	Kematangan.....	111

3.7.3	Attrition.....	112
3.7.4	Gangguan pelbagai intervensi ( <i>multiple treatment interference</i> ).....	113
3.8	Analisis Data .....	113
3.8.1	Analisis Data Kuantitatif.....	114
3.8.2	Analisis Data Kualitatif.....	116
3.9	Rumusan.....	119
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN.....</b>		<b>121</b>
4.1	Pendahuluan .....	121
4.2	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ .....	121
4.2.1	Peserta Kajian.....	121
4.2.2	Analisis Keberkesanan Kesejahteraan Emosi Peserta TAAJ Berdasarkan Visual .....	125
4.2.3	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ Terhadap Kesejahteraan Emosi Menggunakan Pengiraan <i>Percentage of Nonoverlapping Data</i> (PND).....	129
4.2.4	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ Terhadap Kesejahteraan Emosi Peserta Melalui Transkripsi Temu bual Sesi Kaunseling.....	132
4.2.5	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ Terhadap Resiliensi Peserta Melalui Visual .....	154
4.2.6	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ Terhadap Resiliensi Menggunakan Pengiraan <i>Percentage of Nonoverlapping Data</i> (PND) .....	156
4.2.7	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ Terhadap Resiliensi Berdasarkan Transkripsi Temu bual Sesi Kaunseling .....	157
4.2.8	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ Melalui Pemerhatian ....	187
4.2.9	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAJ Berdasarkan Transkripsi Temu Bual Separa Berstruktur.....	197
4.2.10	Rumusan Keberkesanan Pendekatan TAAJ Terhadap Peserta .....	212
4.3	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB.....	218
4.3.1	Peserta Kajian.....	218

4.3.2	Analisis Keberkesanan Kesejahteraan Emosi Peserta TAAB Berdasarkan Visual .....	222
4.3.3	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB Terhadap Kesejahteraan Emosi Menggunakan Pengiraan <i>Percentage of Nonoverlapping Data</i> (PND) .....	226
4.3.4	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB Terhadap Kesejahteraan Emosi Peserta Melalui Transkripsi Temu bual Sesi Kaunseling .....	229
4.3.5	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB Terhadap Resiliensi Peserta Melalui Visual .....	251
4.3.6	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB Terhadap Resiliensi Menggunakan Pengiraan <i>Percentage of Nonoverlapping Data</i> (PND) .....	253
4.3.7	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB Terhadap Resiliensi Berdasarkan Transkripsi Temu bual Sesi Kaunseling .....	254
4.3.8	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB Melalui Pemerhatian ...	287
4.3.9	Analisis Keberkesanan Pendekatan TAAB Berdasarkan Transkripsi Temu Bual Separa Berstruktur.....	297
4.2.10	Rumusan Keberkesanan Pendekatan TAAB Terhadap Peserta .....	313
4.4	Rumusan.....	320
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN .....</b>		<b>321</b>
5.1	Pendahuluan .....	321
5.2	Kesan Pendekatan TAAJ dan TAAB Terhadap Kesejahteraan Emosi Peserta .....	322
5.3	Kesan Pendekatan TAAJ dan TAAB Terhadap Resiliensi Peserta.....	331
5.4	Kesan Pendekatan TAAJ dan TAAB Berdasarkan Pola Perubahan Penampilan, Status Emosi dan Kefungsian Kognitif Peserta Semasa Sesi Kaunseling .....	340
5.5	Kesan Pendekatan TAAJ dan TAAB Berdasarkan Maklum Balas Temu bual Separa Berstruktur.....	345
5.6	Kelemahan dan Kekuatan Pendekatan TAAJ dan TAAB.....	347
5.6.1	Kelemahan dan Kekuatan Pendekatan TAAJ .....	347
5.6.2	Kelemahan dan Kekuatan Pendekatan TAAB .....	349
5.7	Implikasi Kajian .....	351

5.8	Cadangan.....	352
5.9	Rumusan.....	353
	<b>RUJUKAN .....</b>	<b>355</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	



## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Jenis Aduan Rumah Tangga antara Tahun 2013 hingga 2015	11
Jadual 3.1	Item dan Dimensi Instrumen PANAS	88
Jadual 3.2	Skala Pengukuran Instrumen PANAS	89
Jadual 3.3	Skor Instrumen PANAS	89
Jadual 3.4	Contoh Item dan Dimensi Instrumen CD-RSIC	91
Jadual 3.5	Skala Pengukuran Instrumen CD-RISC	91
Jadual 3.6	Pengukuran Skor Instrumen CD-RISC	91
Jadual 3.7	Bidang Kepakaran Kumpulan Penilai Instrumen	93
Jadual 3.8	Cadangan dan Komen Penilai Pakar Instrumen	94
Jadual 3.9	Skala Penilaian Pakar Instrumen	94
Jadual 3.10	Hasil Analisis Ststistik Kappa (Persetujuan Pakar Instrumen)	95
Jadual 3.11	Kebolehpercayaan Instrumen	96
Jadual 3.12	Protokol Temu bual Separa Berstruktur	98
Jadual 3.13	Prosedur Kajian	101
Jadual 3.14	Bidang Kepakaran Kumpulan Penilai Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan TAAJ dan TAAB	104
Jadual 3.15	Maklum Balas Pakar Penilai Terhadap Pendekatan	104
Jadual 3.16	Penilaian Kesesuaian Masa dan Garis Panduan	105
Jadual 3.17	Proses Melaksanakan Intervensi	106
Jadual 3.18	Nilai Keberkesanan Skor PND	115
Jadual 4.1	Ringkasan Maklumat Peserta Menggunakan Pendekatan TAAJ	122

Jadual 4.2	Skor Pengiraan PND P1/TAAJ dan P2/TAAJ	130
Jadual 4.3(a)	Tema dan Subtema Kesejahteraan Emosi (Emosi Positif) P1/TAAJ dan P2/TAAJ serta Transkripsi	133
Jadual 4.3(b)	Tema dan Subtema Kesejahteraan Emosi (Emosi Negatif) P1/TAAJ dan P2/TAAJ serta Transkripsi	134
Jadual 4.4	Skor Pengiraan PND P1/TAAJ dan P2/TAAJ	156
Jadual 4.5	Tema dan Subtema Resiliensi P1/TAAJ dan P2/TAAJ serta Transkripsi	158
Jadual 4.6	Analisis Pemerhatian Menggunakan MSE P1/TAAJ	188
Jadual 4.7	Analisis Pemerhatian Menggunakan MSE P2/TAAJ	193
Jadual 4.8	Maklum Balas Keberkesanan Pendekatan TAAJ	198
Jadual 4.9	Ringkasan Maklumat Peserta Menggunakan Pendekatan TAAB	219
Jadual 4.10	Skor Pengiraan PND P1/TAAB dan P2/TAAB	227
Jadual 4.11(a)	Tema dan Subtema Kesejahteraan Emosi (Emosi Positif) P1/TAAB dan P2/TAAB serta Transkripsi	230
Jadual 4.11(b)	Tema dan Subtema Kesejahteraan Emosi (Emosi Negatif)P1/TAAB dan P2/TAAB serta Transkripsi	232
Jadual 4.12	Skor Pengiraan PND P1/TAAB dan P2/TAAB	253
Jadual 4.13	Tema dan Subtema Resiliensi P1/TAAB dan P2/TAAB serta Transkripsi	255
Jadual 4.14	Analisis Pemerhatian Menggunakan MSE P1/TAAB	288
Jadual 4.15	Analisis Pemerhatian Menggunakan MSE P2/TAAB	293
Jadual 4.16	Maklum Balas Keberkesanan Pendekatan TAAB	299

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian	26
Rajah 2.1	Pendekatan Tazkiyah Al-nafs Al-Ghazali (JAKIM)	35
Rajah 2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	53
Rajah 3.1	Triangulasi Kajian	100
Rajah 3.2	Adaptasi Pendekatan Tazkiyah Al-nafs Al-Ghazali (JAKIM)	103
Rajah 4.1(a)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Positif) P1/TAAJ	126
Rajah 4.1(b)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Positif) P2/TAAJ	126
Rajah 4.2(a)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Negatif) P1/TAAJ	128
Rajah 4.2(b)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Negatif) P2/TAAJ	128
Rajah 4.3(a)	Skor Resiliensi P1/TAAJ	154
Rajah 4.3(b)	Skor Resiliensi P2/TAAJ	155
Rajah 4.4	Triangulasi Data P1/TAAJ	213
Rajah 4.5	Triangulasi Data P2/TAAJ	216
Rajah 4.6(a)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Positif) P1/TAAB	223
Rajah 4.6(b)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Positif) P2/TAAB	223
Rajah 4.7(a)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Negatif) P1/TAAB	225
Rajah 4.7(b)	Skor Kesejahteraan Emosi (Emosi Negatif) P2/TAAB	225
Rajah 4.8(a)	Skor Resiliensi P1/TAAB	251
Rajah 4.8(b)	Skor Resiliensi P2/TAAB	252

Rajah 4.9	Triangulasi Data P1/TAAB	314
Rajah 4.10	Triangulasi Data P2/TAAB	317

## SENARAI SINGKATAN

BFST	<i>Brief Strategic Family Therapy</i>
CD-RISC	<i>Connor Davidson Resilience Scale</i>
EC	<i>ego control</i>
ER	<i>ego resiliency</i>
FRF	<i>Family Resilience Framework</i>
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JHEAIPP	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
LPPKN	Lembaga Pembangunan Penduduk dan Kemajuan Negara
K1	Pengukuran kali pertama
K2	Pengukuran kali kedua
K3	Pengukuran kali ketiga
K4	Pengukuran kali keempat
K5	Pengukuran kali kelima
K6	Pengukuran kali keenam
K7	Pengukuran kali ketujuh
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MKS	Manual Kaunseling Syarie
MSE	<i>Mental status exam</i>
NA	Emosi negatif
PA	Emosi positif

PANAS	<i>Positive Affect and Negative Affect Schedule</i>
PCC	Teori <i>Person Centered</i>
P1/TAAJ	Peserta pertama mengikuti pendekatan TAAJ
P2/TAAJ	Peserta kedua mengikuti pendekatan TAAJ
P1/TAAB	Peserta pertama mengikuti pendekatan TAAB
P2/TAAB	Peserta kedua mengikuti pendekatan TAAB
PKN	Pegawai Khidmat Nasihat
PND	<i>Percentage of Nonoverlapping Data</i>
PS	Pra sesi
SSR	<i>Single subject research</i>
SRH	<i>The Sound Relationship House Theory</i>
TAAJ	Pendekatan <i>Tazkiyah Al-Nafs</i> JAKIM
TAAB	Integrasi Pendekatan <i>Tazkiyah Al-Nafs</i> JAKIM bersama teknik <i>brief</i>
S1	Sesi satu
S2	Sesi dua
S3	Sesi tiga
S4	Sesi empat
SFBT	<i>Solution Focused Brief Therapy</i>
TSB	Temu bual separa berstruktur
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

**KESAN PENDEKATAN TAAJ DAN TAAB TERHADAP KESEJAHTERAAN  
EMOSI DAN RESILIENSI WANITA BERHADAPAN KONFLIK  
PERKAHWINAN**

**ABSTRAK**

Kesejahteraan emosi dan resiliensi merupakan elemen penting dikenal pasti dalam berhadapan konflik perkahwinan. Kajian ini bertujuan mengkaji kesan TAAJ dan TAAB terhadap kesejahteraan emosi dan resiliensi wanita yang berhadapan konflik perkahwinan. Dua reka bentuk iaitu *single subject research, A-B* dan *multiple embedded case study* diaplikasikan dalam melaksanakan kajian ini. Pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Seramai empat peserta terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada dua peserta menjalani rawatan menggunakan pendekatan TAAJ (adaptasi pendekatan *tazkiyah al-nafs standard* JAKIM) manakala, dua peserta lagi menjalani rawatan menggunakan pendekatan TAAB (integrasi teknik-teknik *solution focused brief therapy* dalam TAAJ). Pengutipan data dilakukan menggunakan instrumen *Positive and Negative Affect Schedule* (PANAS) dan *Connor-Davidson Resilience Scale* (CD-RIS). Data yang dikutip dari instrumen PANAS dan CD-RIS dianalisis menggunakan kaedah analisis visual dan pengiraan *percentage of nonoverlapping data* (PND). Sementara data kualitatif, analisis kandungan dilakukan terhadap transkripsi temu bual sesi kaunseling dan separa berstruktur, manakala analisis pemerhatian dilakukan menggunakan senarai semak *Mental Status Examination* (MSE). Dapatan menunjukkan penerapan elemen-elemen *tazkiyah al-nafs* seperti *ma'rifah al-nafs, takhalli, tahalli, muhasabah* dan *al-sa'adah* dapat meningkatkan kesejahteraan emosi dan resiliensi terhadap keempat-empat peserta serta mendekatkan diri keempat-empat peserta dengan Allah

SWT. Didapati pendekatan TAAB lebih berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan emosi dan resiliensi peserta adalah hasil integrasi teknik-teknik soalan perubahan pra sesi, berskala, pengecualian dan soalan ajaib dalam pendekatan *tazkiyah al-nafs* (TAAB). Teknik-teknik yang diintegrasikan dapat membantu peserta fokus pada tindakan perubahan dengan lebih baik serta melibatkan peserta dalam sesi kaunseling secara aktif. Walaupun kajian ini berbentuk eksperimental, namun dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan berdasarkan bilangan peserta yang kecil.



# EFFECT OF TAAJ AND TAAB APPROACH ON WOMEN'S EMOTIONAL WELL-BEING AND RESILIENCY FACING MARITAL CONFLICT

## ABSTRACT

Emotional well-being and resiliency is an important elements identified in facing marital conflict. This research aims to study the effect of TAAJ and TAAB on the emotional well-being and resiliency of women who are facing marital conflict. Two designs, which are *single subject research, A-B* and *multiple embedded case study* are applied to carry out this study. Selection of sample is done using purposive sampling method. A total of four participants involved in this study, consist two participants undergoing treatment using TAAJ (adaptation of *tazkiyah al-nafs* by JAKIM standard) while two others undergoing treatment using TAAB (the integration of solution focused brief therapy in TAAJ). Data collection is done using Positive and Negative Affect Schedule (PANAS) and Connor-Davidson Resilience Scale (CD-RIS) instruments. Data collected using PANAS and CD-RIS is analysed using visual analysis method and percentage of nonoverlapping data (PND) calculation. For qualitative data, content analysis is conducted on the transcriptions of counselling sessions and semi structured interviews, while the observation analysis is done using Mental Status Examination (MSE) checklist. Findings show the application of *tazkiyah al-nafs* elements such as *ma'rifah al-nafs, takhalli, tahalli, muhasabah* and *al-sa'adah* could increase emotional well-being and resiliency of all four participants, and bring the four participants closer to Allah SWT. It is found that the more effective TAAB approach in improving participants' emotional well-being and resilience is the result of integration of pre session change, scaling, exception and miracle question techniques. The integrated techniques help participants to focus better on the changing

process and actively involve in counselling sessions. Although this research is experimental, the study findings could not be generalised due to the small number of participants.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Perkahwinan merupakan sebuah ikatan suci yang dihalalkan antara lelaki dan perempuan untuk berhubungan bagi tujuan menjaga kesejahteraan, kebahagiaan, memberi kebaikan, penjagaan akhlak dan memelihara keturunan (Mustafa Al-Khin, Mustofa Al-Bugha & Ali Asy-Syarbaji, 1987). Pensyariatkan perkahwinan juga mengandungi banyak hikmah antaranya adalah untuk melahirkan ketenangan dalam jiwa manusia. Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum, ayat 21:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ٢١

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”*

Perkahwinan juga merupakan sunnah para Nabi dan tuntutan para Rasul serta merupakan satu ibadah (As-Sayyid Sabiq, 2008). Keinginan semulajadi untuk hidup berpasang-pasangan merupakan naluri kemanusiaan yang ada dalam diri setiap insan. Walau bagaimanapun, naluri kemanusiaan yang wujud dalam diri manusia ini perlu dikawal mengikut batas-batas yang dibenarkan dalam agama agar tidak merosakkan diri, orang lain, akhlak dan segala aspek yang menjurus kepada kerosakan (Hamka, 1984). Allah SWT menjelaskan dalam surah Al-Ma’arij, ayat 19 hingga 21 tentang kerendahan akhlak manusia apabila menghadapi kesulitan dalam hidup akan mudah terkejut, sangat takut seakan tidak akan lagi mendapat kebaikan dalam kehidupan.

Apabila diberikan nikmat oleh Allah SWT, manusia sombong sehingga meninggalkan hak Allah kepadanya (Ibnu Katsir, 2006).

﴿إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ۝ ١٩ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ۝ ٢٠ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ۝ ٢١﴾

*“Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil, kedekut); Apabila ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah; Dan apabila dia mendapat kebaikan, dia amat kikir.” (Surah Al-Ma’arij: ayat 21)*

Berdasarkan sifat-sifat yang ada dalam diri manusia inilah, maka perkahwinan yang dibina atas dasar ingin mendapatkan kebahagiaan dan ketenangan (Mustafa Al-Khin et al., 1987) boleh mendatangkan kerosakan (Hamka, 1984) sekiranya sifat-sifat negatif lebih menguasai diri. Menurut Boyd (2014), konflik dalam hubungan perkahwinan akan berlaku sekiranya emosi antara pasangan tidak dapat dikawal. As-Sayyid Sabiq (2009) pula menyentuh antara akibat lain yang dinyatakan adalah perbalahan antara suami dan isteri sehingga boleh menyebabkan permusuhan yang dibimbangi menjurus ke arah keruntuhan sesebuah perkahwinan sehingga berlakunya perceraian. Oleh itu, bagi mengelakkan konflik yang berterusan berlaku, Allah SWT telah berfirman dalam surah An-Nisa’, ayat 35:

﴿وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَأَبْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا ۚ إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ۝ ٣٥﴾

*“Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuannya.”*

Dalam konteks semasa, kaunseling merupakan salah satu alternatif yang boleh dilalui oleh pasangan suami isteri yang memerlukan kepada ‘orang tengah’ sebagai menangani konflik yang dihadapi. Selain Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) termasuk Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) merupakan antara agensi kerajaan yang mengambil inisiatif untuk memberi bantuan kepada pasangan suami isteri yang buntu berhadapan dengan konflik perkahwinan (JAKIM, 2013; JKM, 2017; Zainuddin, Azlan & Mohamed Shariff, 2008). Walau bagaimanapun, pihak yang mengendalikan proses kaunseling di JAKIM atau JAIN khususnya terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai khidmat nasihat yang hanya dilatih dari semasa ke semasa dengan kemahiran-kemahiran kaunseling. Inisiatif yang diambil mewujudkan Unit Khidmat Nasihat atau Rundingcara adalah merujuk kepada keperluan dan kehendak semasa masyarakat yang menfokuskan JAIN khususnya sebagai tempat pengaduan isu perkahwinan (Zainab, 2001; Norhayati, 2013). JAKIM (2013) juga telah mengambil inisiatif yang lain dengan memperkenalkan pendekatan *tazkiyah al-nafs* Al-Ghazali kepada pegawai-pegawai di JAIN khususnya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Galakan untuk berkahwin telah dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran yang merujuk kepada falsafah perkahwinan itu sendiri iaitu; pertama, dalam surah Yaasin, ayat 36 menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan makhluk di dunia ini hidup secara berpasang-pasangan. Merujuk tafisr Fi Zilalil Quran (Sayyid Qutb, 2000), walaupun penciptaan setiap makhluk termasuk manusia mempunyai pelbagai sifat dan ciri, namun perbezaan sama ada negatif atau positif sebagaimana sinar atau radiasi

elektromagnet menjadikan ianya bercantum dan berpadu. Itulah kehidupan berpasang-pasangan, saling berhubung rapat dan saling tarik menarik antara satu sama lain (Sayyid Qutb, 2000).

Kedua, dalam surah An-nisa', ayat 1, Allah SWT menjelaskan berkenaan mengembangkan zuriat dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Merujuk tafsir Al-Azhar (Hamka, 1984), setiap manusia sama ada lelaki mahupun perempuan serta tidak mengira warna kulit semuanya mahukan kebaikan bukannya keburukan. Setiap daripada manusia diingat untuk memandang orang lain sebagai diri sendiri. Allah SWT juga menjadikan manusia daripada berseorangan sehinggalah berpasang-pasangan iaitu berkahwin serta berkembanglah zuriat keturunan. Begitulah perkembangan kehidupan manusia di muka bumi dan Allah SWT memerintahkan agar bertakwa bagi menjaga hubungan kasih sayang.

Ketiga, ketenangan dan kebahagiaan dalam sebuah ikatan perkahwinan telah disebut dengan jelas di dalam Al Quran, surah Ar-Rum, ayat 21. Penekanan kepada konsep *sakinah* (ketenangan), *mawaddah* (cinta) dan *rahmah* (kasih sayang) menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek tersebut menjadi kekuatan kepada hubungan suami isteri dalam sesebuah perkahwinan. Merujuk Tafsir Al-Azhar (Hamka, 1984), secara fitrahnya, manusia akan rasa kesunyian jika tidak berpasangan dan tidak berteman. Maka, wujudlah ikatan yang suci dan halal iaitu perkahwinan sebagai memberi ketenteraman kepada jiwa yang sunyi sehingga berkembanglah keturunan. Seterusnya, rasa cinta (*mawaddah*) sahaja tidak mencukupi dalam hubungan suami isteri kerana kasih sayang (*rahmah*) membawa sehingga ke tua walaupun hubungan seksual semakin berkurangan (Hamka, 1984). Hal ini yang membezakan antara penerapan nilai-nilai dalam perkahwinan sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa

kajian (Manickam & Suhani, 2014; Hamilton, 2013; Tolorunleke, 2014) yang mendapati bahawa masalah seksual sebagai isu utama yang mengganggu keharmonian rumah tangga. Merujuk Tafsir Ibnu Katsir pula, *sakinah* dinyatakan sebagai memberi kesenangan kepada pasangan tanpa ada rasa takut. Kedamaian yang wujud ini jelas menunjukkan bahawa hubungan suami isteri jauh daripada konflik yang boleh menjejaskan emosi, pemikiran dan tingkah laku negatif antara pasangan. Ketenangan yang diperoleh daripada pasangan seterusnya ditanamkan dengan rasa cinta dan kasih sayang iaitu penekanan kepada konsep *mahabbah* dan *rahmah* (Ibnu Katsir, 2015).

Walau bagaimanapun, *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah* ini tidak akan berkekalan jika tidak dipelihara hubungan antara suami isteri itu sebaiknya. Konflik dalam perkahwinan boleh berlaku sebagaimana menurut Zainab dan Wan Ibrahim (2004) iaitu wujud ketidaksefahaman antara pasangan, komunikasi yang terjejas serta pasangan suami dan isteri tidak mahir menyelesaikan masalah. Hart (1981) pula menyatakan bahawa konflik perkahwinan adalah ketidaksefahaman antara suami dan isteri yang menimbulkan konflik berdasarkan aspek kehendak, keperluan dan matlamat yang ingin dicapai tidak dapat diperoleh pasangan.

Kajian telah mendapati bahawa pasangan yang berkahwin dan mengalami konflik terdedah untuk berhadapan dengan tekanan dan simptom kemurungan (Carr, Cornman & Freedman, 2016; Muasya, 2015; Garrosa-Hernández, Carmona-Coboa, Ladstätterb, Blancoa & Cooper-Thomasc, 2013). Carr et al., (2016) mendapati bahawa tekanan dalam perkahwinan dikaitkan dengan emosi yang negatif seperti kecewa, sedih dan bimbang dalam perhubungan. Tekanan dan simptom kemurungan yang dialami antaranya juga disebabkan berlaku ketidakseimbangan dalam menjalankan peranan dalam perkahwinan sehingga menimbulkan konflik. Muasya (2015) pula

mendapati bahawa tekanan dalam perkahwinan dikaitkan dengan ekspektasi peranan di rumah dan juga di tempat kerja, begitu juga dengan Garrosa-Hernández et al., (2013) yang mengaitkan simptom kemurungan yang dialami dalam perkahwinan disebabkan juga oleh peranan di tempat kerja dan rumah yang semakin meningkat. Keadaan ini memerlukan kepada keseimbangan dalam pengurusan terhadap peranan di tempat kerja dan rumah dengan sebaiknya. Dengan ini, konflik yang berpanjangan dalam perkahwinan jelas menunjukkan kesannya terhadap kesejahteraan sesebuah perkahwinan. Hal ini menyebabkan individu yang berkahwin perlu mencari kekuatan dan ketahanan diri untuk berhadapan dengan situasi konflik. Kesejahteraan emosi dan resiliensi merupakan antara aspek yang diberi perhatian apabila individu berhadapan dengan situasi yang mencabar dan menekan (Muasya, 2015; Zahra & Zahra, 2014).

Apabila dikaitkan kesejahteraan emosi dan resiliensi dalam konflik perkahwinan, Al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh Islam yang banyak menyentuh tentang kepentingan memelihara jiwa dan hati kerana aspek yang paling mempengaruhi tingkah laku manusia adalah hati (Yatimah & Mohamad Tajudin, 2008). Al-Ghazali (1988) turut menyentuh berkaitan penyakit-penyakit hati yang melahirkan tingkah laku yang buruk sebagaimana yang berlaku dalam hubungan suami isteri sekiranya tidak dipelihara seperti perbalahan dan dendam. Penyakit-penyakit hati yang wujud dalam diri memerlukan kepada penyucian (*tazkiyah*) atau memperbaiki akhlak (*tahzibul akhlaq*). Dalam proses menyucikan jiwa, Al-Ghazali (1988) turut menyatakan bahawa setiap individu memerlukan kepada latihan (*riyadah*) dan perjuangan menentang hawa nafsu (*mujahadah*) (Fathi Yakan, 2014). Kesemua aspek yang dinyatakan ini akan secara tidak langsung memberi kesan kepada kesejahteraan emosi serta resiliensi individu apabila berhadapan sesuatu konflik atau keadaan buruk yang berlaku dalam hubungan perkahwinan mahupun kehidupan.



Lanjutan daripada itu, aspek kesejahteraan emosi turut dikaitkan dengan cara individu berfikir dan beremosi yang memberi kesan kepada perkembangan kehidupan yang lebih baik. Teori *broaden-and-build* yang dikemukakan oleh Fredrickson antaranya telah menjelaskan berkenaan emosi positif memberi pengaruh yang besar kepada pemikiran dan diterjemahkan dalam kehidupan yang lebih baik (Fredrickson, 2004). Terdapat pelbagai sumber yang dinyatakan mempengaruhi kesejahteraan emosi antaranya adalah sokongan sosial (Li, Ji & Chen, 2014) dan keseimbangan dalam kehidupan (Garrosa-Hernández et.al, 2013). Sekiranya sumber sokongan sosial ini berada di tahap yang rendah seperti berlakunya pengabaian oleh pasangan, kurang penghargaan dan kepercayaan oleh masyarakat maka ia akan turut menjejaskan kesejahteraan emosi (Zahra Sadat, Roya, Mohammad Hossein, Fresteh, Davoud & Ali, 2016; Sun, Buys & Tatow, 2012). Walau bagaimanapun, kajian membuktikan bahawa sokongan sosial sangat membantu dalam meningkatkan tahap kesejahteraan emosi individu adalah pasangan sama ada suami atau isteri berbanding ibu bapa, adik beradik dan sebagainya (Mejía & Hooker, 2015). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa pasangan memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan kesejahteraan emosi dalam menjalani kehidupan yang lebih baik.

Resiliensi pula merupakan suatu proses membina kekuatan dan daya tahan untuk berhadapan dengan suasana krisis dan mencabar melalui sumber-sumber yang terbaik (Walsh, 2006). Walsh (2006) turut menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi resiliensi adalah berdasarkan sistem kepercayaan, corak organisasi keluarga dan proses komunikasi melalui *Family Resilience Framework*. Reutter dan Bigatti (2014) antara yang menyatakan bahawa agama dan spritualiti merupakan aspek yang penting dalam mempengaruhi sistem kepercayaan yang positif. Corak organisasi keluarga yang melibatkan pengurusan dalam perhubungan serta kewangan merupakan

aspek yang dititikberatkan untuk mengimbangi kehidupan berkeluarga. Komunikasi pula merupakan aspek yang tidak boleh diabaikan kerana melalui komunikasi yang jelas, jujur dalam penyampaian dapat meningkatkan kefungsi dalam hubungan malah dapat berkongsi permasalahan serta mencari jalan penyelesaian sebaiknya.

Sehubungan dengan itu, pelbagai aspek perlu diberi penekanan bagi menangani konflik dalam perkahwinan terutama yang melibatkan kesejahteraan emosi dan resiliensi. Hal ini disebabkan pelbagai peranan dan tanggungjawab perlu dipikul oleh suami dan isteri sebagaimana yang disarankan dalam Islam serta perlu dilindungi sebaiknya.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Perkahwinan merupakan suatu ikatan antara lelaki dan wanita yang saling memerlukan komitmen dan tanggungjawab antara satu sama lain (Mustafa Al-Khin et al., 1987). Setiap pasangan suami dan isteri yang telah membuat keputusan untuk mendirikan rumah tangga juga telah menunjukkan kesediaan untuk melalui proses penyesuaian dan melalui perubahan dalam hidup. Oleh kerana penyesuaian merupakan suatu proses untuk memahami antara satu sama lain dan melibatkan dua individu yang berlainan jantina, sudah pasti suami dan isteri akan berhadapan dengan ketegangan emosi sehingga menimbulkan konflik antara pasangan (Paul, 2017; Hart, 1981). Konflik yang berlaku dalam perkahwinan bukan sahaja boleh menjejaskan ketidakharmonian (Uka, Obidoa & Uzochina, 2013) malah boleh menjejaskan kesihatan mental (O'Neal, Arnold, Lucier-Green, Wickrana & Bryant, 2015; Lee & Szinovacz, 2016) individu yang berhadapan situasi tersebut.

Sebuah ikatan perkahwinan akan membawa pasangan kepada kesejahteraan emosi, sokongan sosial, makna kehidupan yang jelas sehingga membawa kepada kesejahteraan mental dan fizikal (Robles, 2014; Simon, 2014; Lee & Szinovacz, 2016). Namun demikian, setiap pasangan yang berkahwin akan berhadapan dengan situasi konflik di mana menjadi suatu isu yang sentiasa menjadi perhatian para pengkaji sejak sekian lama (Hart, 1981; Chapman & Cattaneo, 2013; D'Souza, Karkada, Somayaji, & Venkatesaperumal, 2013; Zahra Sadat et al., 2016). Perbincangan berkaitan konflik perkahwinan dikaitkan dengan pelbagai aspek dalam perhubungan suami dan isteri seperti pasangan tidak dapat memenuhi keperluan dan matlamat antara pasangan sehingga menimbulkan ketidaksefahaman antara satu sama lain (Hart, 1981). Konflik dalam perkahwinan juga boleh berlaku apabila pasangan saling tidak menghormati dan sering mengabaikan pasangan (Zahra Sadat et al., 2016), selain aspek kewangan, (Chapman & Cattaneo, 2013) sehinggalah kepada berlakunya penderaan fizikal serta emosi terhadap pasangan (D'Souza et al., 2013). Oleh kerana konflik perkahwinan dikaitkan dengan aspek negatif dalam hubungan perkahwinan, maka secara tidak langsung situasi ini mempengaruhi emosi individu yang melaluinya sehingga menjejaskan kesihatan mental (Amran, Fatimah & Khadijah, 2012). Bagi menanganinya, maka kekuatan dalaman diperlukan oleh individu yang melalui situasi konflik agar dapat menghadapinya dengan lebih rasional dan lebih positif (Singh, 2016).

Konflik perkahwinan boleh berlaku dalam semua peringkat usia perkahwinan. Berdasarkan situasi perkahwinan yang dilalui oleh pasangan suami isteri, inisiatif telah diambil oleh pelbagai pihak seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) (JAKIM, 2013;

JKM, 2017; Jusoh, Aris & Sharif, 2008) dalam menangani isu-isu berkaitan konflik perkahwinan. Antara institusi-institusi kerajaan yang dinyatakan, JAIN merupakan salah sebuah institusi yang menjadi tumpuan masyarakat terutamanya dalam kalangan orang Islam untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan konflik perkahwinan yang dihadapi.

Merujuk JAKIM (2014), rekod aduan khidmat nasihat antara tahun 2011 hingga 2013 bagi lima buah JAIN iaitu Johor, Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka telah mencecah sehingga 45,416 kes. Walaupun terdapat penurunan kadar dalam tempoh tiga tahun tersebut seperti di Pulau Pinang (kes bagi tahun 2011 berjumlah 1,755 manakala tahun 2013 berjumlah 1,425), namun penurunan yang dinyatakan masih mencecah jumlah yang besar (JAKIM, 2014). Walau bagaimanapun, kadar aduan berkaitan konflik perkahwinan berkemungkinan akan menjadi lebih besar jumlahnya jika merangkumi keseluruhan institusi yang terlibat dalam membantu isu-isu berkaitan konflik perkahwinan. Pelbagai jenis aduan rumah tangga juga telah dikenal pasti (rujuk Jadual 1.1) yang mengundang kepada berlakunya konflik perkahwinan (JHEAIPP, 2016). Berdasarkan keseluruhan jenis aduan yang dinyatakan (JHEAIPP, 2016), kategori kurang bertanggungjawab merupakan aduan yang paling tinggi diterima selain daripada masalah akhlak/sosial dan komunikasi.

Selain rekod statistik yang direkodkan JHEAIPP (2016), Muasya (2015) turut menyentuh berkaitan isu tanggungjawab sebagai menjelaskan kepada penyumbang berlakunya tekanan dan emosi negatif pasangan. Muasya (2015) juga menjelaskan, keadaan ini berlaku apabila terdapatnya perubahan peranan dari seorang anak kepada isteri dan suami seterusnya sebagai ibu dan bapa di mana pertambahan tanggungjawab dalam setiap peranan tersebut berlaku.

Jadual 1.1

*Jenis Aduan Rumah Tangga antara Tahun 2013 hingga 2015*

<b>JENIS ADUAN/ TAHUN</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>
Kurang Bertanggungjawab	946	471	363
Lemah Didikan Agama	308	199	141
Perbezaan Budaya	19	5	29
Campurtangan Pihak Ketiga	314	171	111
Masalah Seksual	121	40	25
Masalah Ekonomi	223	102	54
Masalah Kerjaya	118	42	41
Masalah Kesihatan	21	22	7
Masalah Akhlak/Sosial	674	347	184
Masalah Komunikasi	523	262	120
Lain-lain	16	14	9

*Nota.* Sumber dari JHEAIPP (2016).

Kegagalan dalam menangani konflik mempunyai hubungkait dengan resiliensi bagi setiap pasangan (Garrosa-Hernández et al., 2013; Muasya, 2015). Bagi mengelakkan daripada berlakunya konflik yang berterusan dalam perkahwinan, Tosun dan Dilmac (2015) mengaitkannya dengan aspek resiliensi pasangan begitu juga dengan aspek kesejahteraan emosi (Sun et al., 2012). Menurut Sun et al., (2012), tahap resiliensi yang rendah dikaitkan dengan kesihatan mental dan gangguan terhadap kesejahteraan emosi individu. Pencegahan dan rawatan terhadap tekanan ke atas individu juga dapat dikenal pasti apabila memahami aspek psikologikal yang dikaitkan dengan resiliensi (Sun et al., 2012). Beberapa kajian (D'Souza et al., 2013; Garrosa-Hernández et al., 2013 dan Muasya, 2015) juga telah menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan emosi dan resiliensi wanita berada pada tahap lebih rendah berbanding lelaki apabila berhadapan tekanan. Lanjutan dari itu, D'Souza et al., (2013) mengaitkan berkaitan ketidakupayaan wanita untuk menyuara pandangan dan kualiti hubungan yang rendah menjadikan wanita berhadapan dengan gangguan kesejahteraan diri manakala Garrosa-Hernández et al., (2013) dan Muasya (2015)

melihat kepada peranan wanita yang berkerjaya serta perlu memikul bebanan tugas yang bertambah di tempat kerja, malah ketidakmampuan untuk mengimbangi antara kedua-dua peranan ini menyebabkan kesejahteraan emosi wanita terganggu. Statistik yang direkodkan oleh JHEAIPP (2016) turut menunjukkan bahawa jumlah klien yang hadir mendapatkan khidmat nasihat di JHEAIPP adalah lebih ramai dalam kalangan wanita (melebihi 60%) berbanding lelaki. Data ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Shirin, S.Abdolmajid, Seyedeh Narjes, Sahar dan Kobra (2015) yang mendapati golongan wanita yang berkahwin kurang mengalami kepuasan dalam perkahwinan berbanding dengan lelaki.

Akibat daripada ketidakpuasan dalam perkahwinan tersebut, Gangamma, Bartle-Haring, Holowacz, Hartwell dan Glebova (2015) turut melaporkan sebelum ini iaitu ketidakpuasan dalam perkahwinan akan menghasilkan kemurungan berbanding dengan pasangan yang memperoleh kepuasan dalam perkahwinan. Park dan Unutzer (2014) juga turut menyatakan hal yang sama di mana risiko menghadapi kemurungan adalah tinggi bagi pasangan yang menghadapi konflik perkahwinan. Ketidakpuasan dalam perkahwinan didapati turut mempunyai hubungan dengan kemurungan yang tinggi bagi golongan wanita yang bergelar isteri berbanding dengan golongan lelaki yang berhadapan dengan konflik perkahwinan (Fincham, Beach, Harold & Osborne, 1997; Horwitz, McLaughlin & White, 1998; Simon, 2014). Antara simptom yang dipamerkan oleh golongan pasangan yang mengalami kemurungan ialah tingkah laku menjaga kesihatan diri (diet yang tidak seimbang, tidak bersenam), kurang bermotivasi untuk mendapatkan rawatan dan meningkat berlakunya simptom dalam bentuk fizikal (O'Neal et al., 2015; Kiecolt-Glazer & Wilson, 2017).

Berdasarkan perkembangan yang berlaku dalam kalangan wanita ini, maka D'Souza et al., (2013) menggalakkan agar golongan wanita menjalani sesi kaunseling terutamanya bagi tujuan menjaga kesihatan mental. Kaunseling merupakan satu bentuk intervensi yang digunakan dalam membantu pasangan yang mengalami konflik perkahwinan. Melalui sesi kaunseling, pasangan yang mengalami konflik akan dibantu untuk melihat secara rasional masalah-masalah yang menjadi penyebab berlakunya konflik dan mencari alternatif bagaimana untuk menangani dengan sewajarnya. Namun demikian, individu yang sering hadir untuk mendapatkan khidmat kaunseling adalah terdiri daripada golongan wanita sepertimana yang dinyatakan dalam rekod JHEAIPP (2016). Pasangan yang mendapat perkhidmatan kaunseling perlu melalui proses dalam sesi kaunseling yang melibatkan tempoh masa dan bilangan perjumpaan tertentu. Keadaan ini menyebabkan ramai dalam kalangan pasangan yang datang mendapatkan perkhidmatan tidak meneruskan sesi kaunseling disebabkan pelbagai kekangan (Zainab, 2001).

Kajian Zainab (2001) turut mendapati bahawa majoriti kekerapan sesi dijalankan di JAWI adalah satu sesi sahaja. Sementara, kekerapan sesi paling banyak di JHEAIPP menunjukkan kebanyakan jumlah sesi adalah satu (39.9%) hingga dua (36.9%) sesi sahaja bagi tahun 2014. Pada tahun 2015 juga, kadar kekerapan menunjukkan jumlah yang hampir sama iaitu kekerapan bagi satu sesi adalah 35.4 peratus manakala dua sesi adalah 41.6 peratus (JHEAIPP, 2016). Kajian oleh Zainab (2001) di JAWI dan data yang diperolehi di JHEAIPP (JHEAIPP, 2016) menunjukkan kadar kekerapan bilangan sesi kaunseling yang dijalankan kepada klien berhadapan konflik perkahwinan adalah masih tidak menunjukkan perbezaan yang ketara (kekerapan hanya satu hingga dua sesi sahaja). Kegagalan untuk mengikuti sesi kaunseling seterusnya berkemungkinan turut berpunca daripada kemahiran kaunselor

dalam mengendalikan sesi kaunseling. Kaunseling individu yang dilaksanakan secara tidak berstruktur boleh menyebabkan kaunselor hilang arah dan keadaan ini menyebabkan klien akan merasa jemu dan hilang keyakinan kepada kaunselor yang mengendalikan sesi kaunseling. Selain itu, proses kaunseling yang dijalankan juga adalah hasil gabungan antara ilmu agama yang dipelajari dan latihan kaunseling yang diberikan dari semasa ke semasa (Zainab, 2001; Norhayati, 2012), begitu juga pegawai yang menjalankan kaunseling di JAIN bukan terdiri daripada kaunselor yang berdaftar.

Selaras dengan masalah tersebut, JAKIM telah memperkenalkan pendekatan *tazkiyah al-nafs* dalam perkhidmatan kaunseling yang dijalankan yang lebih memberi penekanan kepada aspek keagamaan dan spiritual. Pengkaji mendapati bahawa pendekatan ini telah dilaksanakan namun, belum ada usaha dijalankan bagi mengkaji keberkesanan pendekatan ini dalam membantu pasangan yang mengalami konflik perkahwinan khususnya kepada golongan wanita. Kegagalan dalam melaksanakan kajian bagi menentukan keberkesanan sesebuah modul atau pendekatan boleh mengundang kepada suatu bentuk pelaksanaan yang boleh mendatangkan kerugian dari aspek masa, kos serta tenaga dan akhirnya tidak mendatangkan manfaat kepada pasangan yang mengalami konflik perkahwinan. Justeru, kewajaran untuk menjalankan kajian keberkesanan pendekatan *tazkiyah al-nafs* ini sangat diperlukan.

Selain itu, berdasarkan kekerapan sesi yang terlalu singkat tersebut terutamanya melibatkan hanya satu sesi sahaja menjadikan sebarang keputusan sukar untuk dibuat oleh responden, bahkan turut menyukarkan kaunselor mengenal pasti masalah yang dihadapi responden (Zainab, 2001). Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa pendekatan *tazkiyah al-nafs* ini perlu diaplikasikan secara lebih terarah melalui pendekatan *brief* berdasarkan kekerapan sesi yang singkat. Tujuannya adalah



bagi memastikan setiap fasa dapat diaplikasikan dengan berkesan dalam jangka masa tempoh yang terhad tanpa meninggalkan sebarang aspek yang perlu diberi penekanan. Sebagaimana yang dinyatakan Rahimi (2006), pendekatan ini dapat mengelakkan daripada berlakunya proses kaunseling ditamatkan secara pramatang. Di samping itu, pendekatan *brief* juga dapat membantu sesi berjalan dengan lebih berfokus ke arah membantu kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh klien. Secara tidak langsung ianya juga dapat membantu klien yang berhadapan dengan kekangan untuk menghadiri sesi ulangan dan juga bebanan tugas yang dihadapi oleh beberapa orang pegawai yang perlu melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh majikan selain tugas memberikan khidmat nasihat (Norhayati, Norhudayati, Roslee & Sulaiman, 2008). Pengkaji turut berpandangan bahawa teknik-teknik yang diperkenalkan dalam pendekatan *brief* seperti *solution focused brief therapy* (SFBT) juga dapat memudahkan proses kaunseling yang dijalankan oleh Pegawai Khidmat Nasihat (PKN) kerana ianya berbentuk kepada penyelesaian yang bersesuaian dengan situasi klien yang hadir di JAIN yang sukar memberikan kerjasama dan mempunyai kekangan untuk menghadiri sesi susulan khususnya di JHEAIPP (Zainab, 2001; JHEAIPP, 2016). Memandangkan tiada teknik yang khusus dinyatakan dalam pendekatan *tazkiyah al-nafs* (JAKIM, 2013), maka teknik berbentuk soalan yang banyak diketengahkan dalam SFBT akan memudahkan PKN untuk memulakan dan mengakhiri sesi yang dijalankan. Hal ini juga dapat memberikan satu panduan kepada PKN untuk mengaplikasikan pendekatan *tazkiyah al-nafs* dengan lebih berkesan. Sebaliknya, Rassool (2016) menyatakan bahawa SFBT amat bersesuaian diaplikasikan kepada klien muslim sekiranya elemen agama atau spiritual diintegrasikan bersama.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji berhubung dengan konflik yang berlaku dalam perkahwinan dengan melihat kepada aspek kesejahteraan emosi dan

resiliensi melalui pendekatan agama dan spiritual iaitu pendekatan *tazkiyah al-nafs*. Elemen-elemen *brief* melalui integrasi teknik-teknik SFBT dalam pendekatan *tazkiyah al-nafs* turut dirujuk sebagai panduan serta uji keberkesannya terhadap wanita berhadapan konflik perkahwinan.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengkaji keberkesanan pendekatan *tazkiyah al-nafs* serta integrasi pendekatan *tazkiyah al-nafs* dengan teknik-teknik SFBT ke atas kesejahteraan emosi dan resiliensi wanita yang berhadapan konflik perkahwinan. Melalui kajian ini, pola perubahan kesejahteraan emosi dan resiliensi dikenal pasti dari satu fasa ke satu fasa sama ada menunjukkan perkembangan lebih baik atau sebaliknya hasil daripada intervensi yang dilalui. Kajian ini juga dijalankan bagi mengenal pasti kelebihan dan kekuatan pendekatan yang telah diintegrasikan dengan teknik-teknik SFBT (pendekatan TAAB) berbanding pendekatan *standard* yang hanya mengaplikasikan kemahiran-kemahiran asas secara menyeluruh (pendekatan TAAJ).

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

- a. Mengetahui keberkesanan pendekatan TAAJ dan TAAB berdasarkan pola perubahan kesejahteraan emosi peserta semasa melalui sesi kaunseling.
  - Mengetahui keberkesanan pendekatan TAAJ berdasarkan pola perubahan kesejahteraan emosi P1/TAAJ dan P2/TAAJ;
  - Mengetahui keberkesanan pendekatan TAAB berdasarkan pola perubahan kesejahteraan emosi P1/TAAB dan P2/TAAB.

- a. Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAJ dan TAAB berdasarkan pola perubahan resiliensi peserta semasa melalui sesi kaunseling.
  - Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAJ berdasarkan pola perubahan resiliensi P1/TAAJ dan P2/TAAJ;
  - Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAB berdasarkan pola perubahan resiliensi P1/TAAB dan P2/TAAB.
  
- b. Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAJ dan TAAB berdasarkan pola perubahan tingkah laku, status emosi dan kefungsiannya kognitif peserta semasa sesi kaunseling.
  - Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAJ berdasarkan pola perubahan tingkah laku, status emosi dan kefungsiannya kognitif P1/TAAJ dan P2/TAAJ;
  - Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAB berdasarkan pola perubahan tingkah laku, status emosi dan kefungsiannya kognitif P1/TAAB dan P2/TAAB.
  
- c. Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAJ dan TAAB terhadap kesejahteraan emosi dan resiliensi peserta berdasarkan maklum balas peserta terhadap keseluruhan sesi yang dijalankan.
  - Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAJ terhadap kesejahteraan emosi dan resiliensi berdasarkan maklum balas terhadap keseluruhan sesi yang dijalankan P1/TAAJ dan P2/TAAJ;
  - Mengetahui pasti keberkesanan pendekatan TAAB terhadap kesejahteraan emosi dan resiliensi berdasarkan maklum balas terhadap keseluruhan sesi yang dijalankan P1/TAAB dan P2/TAAB.

## 1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah:

- a. Bagaimanakah pola perubahan kesejahteraan emosi peserta semasa melalui sesi kaunseling?
  - Bagaimanakah pola perubahan kesejahteraan emosi P1/TAAJ dan P2/TAAJ yang mengikuti pendekatan TAAJ?
  - Bagaimanakah pola perubahan kesejahteraan emosi P1/TAAB dan P2/TAAB yang mengikuti pendekatan TAAB?
- b. Bagaimanakah pola perubahan resiliensi peserta semasa melalui sesi kaunseling?
  - Bagaimakah pola perubahan resiliensi P1/TAAJ dan P2/TAAJ yang mengikuti pendekatan TAAJ?
  - Bagaimanakah pola perubahan resiliensi peserta P1/TAAB dan P2/TAAB yang mengikuti pendekatan TAAB?
- c. Bagaimanakah perubahan tingkah laku, status emosi dan kefungsiian kognitif peserta semasa sesi kaunseling?
  - Bagaimanakah perubahan tingkah laku, status emosi dan kefungsiian kognitif P1/TAAJ dan P2/TAAJ yang mengikuti pendekatan TAAJ?
  - Bagaimanakah perubahan tingkah laku, status emosi dan kefungsiian kognitif P1/TAAB dan P2/TAAB yang mengikuti pendekatan TAAB?
- d. Apakah maklum balas peserta terhadap keseluruhan sesi yang dijalankan?
  - Apakah maklum balas P1/TAAJ dan P2/TAAJ terhadap pendekatan TAAJ yang dijalankan?
  - Apakah maklum balas P1/TAAB dan P2/TAAB terhadap pendekatan TAAB yang dijalankan?

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini amat penting dijalankan pertamanya adalah bagi menambahkan lagi kajian berkaitan kaunseling berpendekatan Islam dalam bidang penyelidikan terutamanya berkaitan aplikasi teori serta modul. Dengan bertambahnya kajian seumpama ini, maka secara tidak langsung ianya dapat mengembangkan lagi bidang kaunseling berpendekatan Islam sehingga ke peringkat global. Hal ini juga merujuk kepada keperluan pendekatan kaunseling agama dan spiritual yang semakin mendapat tempat dalam kalangan klien ke arah hidup yang lebih positif berteraskan panduan hidup yang sebenar.

Keduanya, kajian ini juga dapat membantu individu yang berminat dalam proses menolong tetapi tidak berpeluang untuk belajar secara formal di peringkat universiti, kolej dan sebagainya untuk memajukan diri melalui pengalaman dan ilmu agama yang ada serta digabungkan dengan ilmu kaunseling dengan lebih baik. Melalui ilmu dan pengalaman yang diperolehi, maka dapat membantu individu yang berminat dalam perkhidmatan menolong memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada klien.

Ketiga, kajian ini juga penting dalam membantu JAKIM sebagai satu badan agama yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai agama yang dilantik antaranya di Unit Khidmat Nasihat. Dengan adanya kajian yang menguji keberkesanan TAAJ dan TAAB, maka pengaplikasian pendekatan TAAJ dan TAAB boleh diperkembangkan secara lebih meluas khususnya di seluruh JAIN. Selain itu, saranan dan cadangan yang diutarakan dapat memberi nilai tambah kepada pendekatan yang diperkenalkan dalam Manual Kaunseling Syarie yang telah dibangunkan JAKIM. Keadaan ini sekaligus dapat membantu ke arah memperkasakan lagi

pendekatan serta manual, malah dijadikan panduan dan rujukan secara lebih meluas lagi terutama oleh kaunselor-kaunselor dan pengamal-pengamal kaunseling yang lain.

Keempat, kajian ini diharap dapat membantu klien terutama yang menghadapi masalah dalam perkahwinan agar menjalani kehidupan yang lebih baik selaras dengan tuntutan agama dan tujuan asal perkahwinan. Penekanan kepada aspek agama dalam kehidupan jelas amat penting bagi membantu individu membuat keputusan dengan tenang serta rasional sebagaimana yang dituntut dalam agama. Ianya selaras dengan galakan dalam Islam untuk melihat kesan baik dan buruk kepada diri, pasangan, keluarga dan masyarakat sebelum membuat sebarang keputusan. Hal ini kerana hubungan sesama manusia amatlah dititikberatkan dalam agama dan tidak hanya melihat kepada kepentingan diri sendiri semata-mata.

### **1.8 Limitasi Kajian**

Skop kajian ini hanya dijalankan di Negeri Pulau Pinang sahaja iaitu dalam kalangan PKN dan klien yang berdaftar untuk mendapatkan khidmat nasihat di JHEAIPP. Kajian ini juga hanya menjurus kepada wanita yang berhadapan konflik perkahwinan yang melalui sesi kaunseling secara individu.

Sesi secara individu dijalankan berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan mendapati bahawa terdapat dalam kalangan klien yang enggan untuk dipanggil pasangan kerana faktor kesediaan atau pilihan klien sendiri untuk memperbaiki kekurangan yang ada pada diri sendiri terlebih dahulu atau pasangan enggan memberikan kerjasama untuk menghadiri sesi.

Berdasarkan adaptasi pendekatan TAAJ yang digunakan, hanya elemen *brief* yang menjurus kepada beberapa teknik dalam *Solution Focused Brief Therapy* (SFBT) diaplikasikan iaitu teknik soalan pra perubahan sesi, soalan berskala, soalan pengecualian dan soalan ajaib.

Walaupun kajian ini secara keseluruhannya menjurus kepada menguji keberkesanan, namun berdasarkan bilangan peserta yang terlalu sedikit, ianya tidak dapat digeneralisasi kepada keseluruhan populasi.

Berdasarkan perbezaan latar belakang setiap peserta, kajian ini tidak dijalankan secara perbandingan antara dapatan peserta tetapi hanya membincangkan perbezaan keputusan yang diperolehi. Maklum balas juga hanya dilakukan selepas sebulan sesi kaunseling dijalankan secara berasingan.

## **1.9 Definisi Konsep dan Operasional**

Berikut adalah definisi konsep dan operasional dalam kajian ini:

### **1.9.1 Intervensi**

Terdapat pelbagai intervensi telah diperkenalkan dalam kaunseling. Intervensi dinyatakan sebagai satu alat atau kaedah yang digunakan bagi tujuan membantu klien ke arah perubahan dengan lebih berkesan (Emmerson, 2006). Intervensi yang akan digunakan dalam kajian ini adalah:

#### **i) Pendekatan Tazkiyah Al-nafs Al-Ghazali (JAKIM)**

Pendekatan *Tazkiyah Al-nafs Al-Ghazali* (JAKIM) (TAAJ) merupakan satu pendekatan kaunseling yang diadaptasi melalui Manual Kaunseling Syarie (JAKIM, 2013). TAAJ digunapakai dalam kajian ini bagi melihat

keberkesanannya dalam membantu wanita yang menghadapi konflik perkahwinan. Terdapat beberapa tahap yang perlu dilalui oleh peserta dalam pendekatan TAAJ iaitu *ma'rifah al-nafs, takhalli, tahalli, muhasabah* dan *al-sa'adah*. TAAJ juga merupakan pemboleh ubah bebas dalam kajian yang dijalankan ini.

## ii) Pendekatan *brief*

Pendekatan *brief* yang digunakan dalam kajian ini menumpukan kepada teknik-teknik yang berfokuskan soalan yang diperkenalkan dalam *solution focused brief therapy* (SFBT). Menurut Gonzalez dan Welch (2001), teknik dalam dalam sesebuah intervensi adalah merujuk kepada strategi intervensi yang spesifik untuk dipalिकासikan dalam sesi yang dijalankan bagi tujuan tertentu. Pengkaji beranggapan bahawa teknik berbentuk soalan ini boleh dijadikan panduan untuk pegawai khidmat nasihat mengendalikan sesi dengan lebih terarah dan bersesuaian dengan pendekatan yang digunakan. Oleh itu, dalam kajian ini, TAAJ diintegrasikan dengan teknik-teknik *brief* iaitu soalan perubahan pra sesi, berskala, pengecualian dan ajaib yang dikenali sebagai pendekatan TAAB (*Tazkiyah Al-nafs Al-Ghazali Brief*). TAAB juga merupakan pemboleh ubah bebas dalam kajian yang dijalankan ini.

### 1.9.2 Kesejahteraan emosi

Diener dan Larsen mendefinisikan kesejahteraan emosi sebagai pengalaman merasai perasaan yang menyenangkan berbanding perasaan yang tidak menyenangkan dalam kehidupan (Bose, 2015). Perasaan yang dinyatakan oleh Diener dan Larsen ini juga boleh dikaitkan dengan pandangan Fredrickson dan Joiner (2002) yang menyentuh tentang emosi positif yang boleh membantu meningkatkan kesejahteraan



emosi. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kesejahteraan emosi kepada dua konstruk utama iaitu emosi positif dan emosi negatif berdasarkan teori *Broaden-And-Build* oleh Fredrickson. Emosi positif yang dinyatakan oleh Fredrickson (2001) seperti gembira, sayang, berminat dan berinspirasi adalah tidak menuntut kepada proses psikologikal yang melibatkan pemikiran dan tindakan yang mendesak. Sementara, emosi negatif menurut Fredrickson (2001) adalah emosi yang terhasil daripada adaptasi terhadap situasi yang mengancam kelangsungan hidup seperti sedih, kecewa dan marah. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, emosi positif dan negatif dijelaskan berdasarkan perkembangan situasi peserta kajian. Secara keseluruhannya, pengukuran aspek kesejahteraan emosi juga dilakukan menggunakan instrumen *Positive Affect and Negative Affect Schedule* (PANAS) dan dapatan temu bual sesi kaunseling.

### **1.9.3 Resiliensi**

Resiliensi adalah proses membina kekuatan dan daya tahan diri dalam berhadapan konflik atau situasi yang mencabar (Walsh, 2006). Dalam kajian ini, resiliensi adalah merujuk kepada situasi dan pembinaan daya tahan daripada beberapa aspek yang digariskan oleh Walsh (2006) dalam *Family Resilience Framework* iaitu sistem kepercayaan, corak organisasi keluarga dan komunikasi. Aspek sistem kepercayaan adalah proses yang mempengaruhi persepsi dan respon ahli keluarga dalam berhadapan situasi krisis dengan memahami, menerima cabaran yang dihadapi, berpandangan positif serta mempraktikkan aspek agama dan spiritual. Sementara, aspek corak organisasi keluarga adalah merujuk pada situasi keluarga berhadapan tuntutan dan cabaran yang perlu dihadapi dengan cara yang berbeza. Penyesuaian dilakukan melalui bimbingan serta perlindungan dalam memastikan kestabilan sistem kekeluargaan apabila berhadapan sesuatu perubahan. Selain itu, perhubungan dan

keintiman dalam kekeluargaan dititikberatkan melalui sokongan, komitmen dan kerjasama serta saling menghormati antara satu sama lain. Komunikasi merupakan aspek ketiga yang diberikan penekanan iaitu satu proses interaksi dalam kalangan ahli keluarga bagi meningkatkan resiliensi. Bagi mengelakkan tekanan dan krisis berlanjutan, kejelasan dalam komunikasi perlu wujud dalam sistem kekeluargaan termasuklah keterbukaan berkongsi perasaan, berempati dan bertoleransi terhadap situasi yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga. Oleh itu, dalam kajian ini, pengukuran instrumen *Connor Davidson Resilience Scale* (CD-RISC) dan dapatan temu bual sesi kaunseling digunakan bagi mengenal pasti keberkesanan pendekatan TAAJ dan TAAB terhadap resiliensi peserta kajian.

#### **1.9.4 Senarai semak MSE**

Senarai semak MSE (*Mental Status Exam*) merupakan borang yang digunakan untuk menilai kefungsi kognitif, emosi dan tingkah laku individu sama ada berada dalam keadaan normal atau abnormal (Schwitzer & Rubin, 2015). Elemen-elemen yang terkandung dalam senarai semak MSE dalam kajian ini adalah merujuk kepada senarai semak oleh TherapistAid.com (2013) yang merangkumi aspek: i) kefungsi kognitif iaitu kognitif, persepsi, pemikiran, celik akal dan pertimbangan; ii) emosi iaitu afek dalam pemerhatian luaran serta perasaan; iii) aspek tingkah laku seperti penampilan, pertuturan, hubungan mata dan aktiviti motor dalam pemerhatian luaran.

#### **1.9.5 Pegawai Khidmat Nasihat**

Pegawai khidmat nasihat (PKN) juga dikenali di peringkat JAKIM dan JAIN sebagai pegawai rundingcara. PKN adalah terdiri daripada pegawai agama yang dilantik dan bertugas di Unit Khidmat Nasihat atau Rundingcara untuk menjalankan sesi kaunseling kepada klien di JAIN (JAKIM, 2007). PKN dalam kajian ini